

Headline	Menjana pendapatan dengan saham		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	41
ArticleSize	812 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 41,553		



Menjana pendapatan dengan saham

Saham dan pelaburan, adakah anda tahu apa itu saham, apakah pula pelaburan? Mungkin dalam kalangan kita khususnya orang Melayu, ramai yang beranggapan saham mahu pun pelaburan itu sesuatu yang negatif kerana mereka sering dimomokkan sekiranya salah melabur hukumnya haram. Ke-

manakah hala tuju saham atau pelaburan itu.

Ikuti kupasan wartawan SYAHIDATUL AKMAL DUNYA yang menemui bual pakar ekonomi dan juga Ketua pegawai pelaburan Hermana Kapital Bhd, DATUK DR NAZRI KHAN ADAM KHAN.

Ilmu berkaitan pelaburan kerana beri pulangan berganda

Mohon Dr huraikan pengertian saham dan pelaburan kerana mungkin individu seperti saya tidak memahami saham dan pelaburan dan mereka juga dimomokkan 'kalau salah percaturan hukumnya haram'.

Sebenarnya saham adalah pelaburan yang sangat mudah. Saham ini maksudnya kita membeli perniagaan, kita cari bisnes-bisnes yang paling hebat di dunia contohnya Facebook, Amazon, Google, Twitter. Di Malaysia pula, kita ada Padini, Aeon dan macam-macam. Kita beli kita simpan, yang menariknya tidak perlu simpan lama-lama. Simpan selama lima hingga 10 hari naik RM2, RM3 terus jual. Pelaburan saham ini bagus, sebab apa? Ia patuh syariah, modal selamat, broker bertauliah dan yang paling baik adalah modal diperlukan hanya RM10. Kalau mahu beli banyak kena ada modal banyak dalam lingkungan ratus ringgit.

Berbaloinya kita melabur saham ini ialah kita ada 100 000 saham di dunia yang kita boleh pilih. Kita pilih apa yang kita mahu. Kalau kita suka Microsoft kita beli, kita suka Disney kita beli Disney. Kita pergi Jepun tengok Toyota syarikatnya bagus, kita beli Toyota. Kita beli RM10, kita simpan lima hari naik RM5 kita sudah untung RM15. Memang menarik.

Akhir-akhir ini, ramai mengaitkan perihai saham Umno kita tahu sangat banyak. Sebelum bertukar kerajaan Umno sebagai satu badan politik yang tunjang di negara ini mempunyai saham-saham yang banyak. Mungkin Dr boleh ceritakan sedikit kepada pembaca, mengenai saham Umno. Apakah agaknya status saham Umno setelah bertukar kerajaan.

Kita kena ingat dalam dunia saham ini faktor politik itu penting. Di mana-mana negara, apabila kerajaan baharu memerintah saham yang ada hubung kait dengan kerajaan itu akan naik mencanak. Ini perkara yang biasa berlaku di Jepun dan di Thailand, malah baru-baru ini apabila Donald Trump menjadi Presiden Amerika Syarikat. Semua saham yang

berkait dengannya khususnya hartanah dan hotel naik meletup-letup.

Untuk makluman semua, saham Umno sekarang semua jatuh dan kebanyakan projek Umno semua akan dikaji dan berkemungkinan beralih ke Harapan. Kebanyakan sektor Harapan adalah pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Bagi saya ini semua adalah peluang besar untuk mereka yang memburu saham.

Jika dahulu, semua bercerita pasal Najibonomics. Kita tahu di bawah bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, beliau sangat menekankan sektor kewangan kerana beliau percayakan liberalisasi sektor kewangan. Sebab itu pada zaman beliau, semua saham kewangan naik. Bursa Malaysia, Bank Islam, Takaful. Letak RM10,000 dalam masa dua tahun setengah ia berkembang men-

sekuriti. Jadi, pergi ke website Suruhanjaya Sekuriti jika ada sebarang scam atau unsur judi dalam website itu ia akan dimaklumkan.

Kita ada hampir 100 pakar syariah yang memantau saham-saham ini. Kita ada 1,000 saham di Bursa Malaysia, kita ada 10,000 saham di pasaran Amerika Syarikat, 8,000 saham di United Kingdom. Beli yang murah-murah sebagai permulaan.

Apa implikasi besar sekali apabila kerajaan bertukar, adakah normal sekiranya pasaran saham jatuh?

Sebenarnya normal, mana-mana negara pun apabila bertukar kerajaan pelabur-pelabur khususnya pelabur asing akan keluar dulu (bukan tinggalkan negara itu) selepas itu, mereka akan tengok apakah polisi kerajaan ba-

“Sekarang ini zaman Tun Dr Mahathir Mohamed, kita kena pandai, masa inilah kita beli sektor-sektor yang ada hubung kait dengan kerajaan baharu. Cadangan saya adalah sektor manifesto Harapan. Mereka akan fokus kepada sektor konsumer (pengguna).” - Nazri Khan

jadi RM60,000.

Sekarang ini zaman Tun Dr Mahathir Mohamad, kita kena pandai, masa inilah kita beli sektor-sektor yang ada hubung kait dengan kerajaan baharu. Cadangan saya adalah sektor manifesto Harapan. Mereka akan fokus kepada sektor konsumer (pengguna).

Zaman Najib ada Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M). Apa yang kita ada sekarang adalah projek besar untuk marhaen dan juga projek untuk memastikan barang-barang pengguna tidak ada lagi inflasi. Apabila sistem cukai barang dan perkhidmatan (GST) tidak ada, barang konsumer akan meletup. Kita kena ingat apabila GST tidak ada, lagi ramai orang membeli barang konsumer. Sekali gus menyebarkan saham Padini, Aeon, Dutchlady, F&N ini naik.

Macam mana kita boleh mengenal pasti sama ada broker itu bertauliah atau tidak? Memandangkan banyak sangat penipuan yang menggunakan terma broker?

Ia mudah sahaja kerana semua saham-saham ini regulaturnya adalah Suruhanjaya

haru, kemudian akan masuk balik, biasanya keadaan ini akan berlaku dalam tempoh tiga hingga enam bulan.

Pelabur asing akan tarik terlebih dahulu duit (playsafe) kemudian jual menyebabkan bursa jatuh. Pelabur asing akan tunggu selama tiga hingga enam bulan selepas itu barulah membeli saham baharu. Memang normal dan tempoh inilah murah untuk dibeli. Sekarang Bursa Malaysia turun 10 peratus, Telekom Malaysia (murah), Axiata (murah), Tenaga Nasional Berhad (murah) dan Takaful juga murah.

Apabila Dr kata beli senang hanya guna telefon. Tapi caranya macam mana?

Semasa kita mahu melabur saham, apa yang kita hanya perlukan adalah telefon pintar dan pengecap. Bagaimana untuk menjadi salah seorang pelabur saham? Caranya adalah cari mana-mana broker bertauliah. Macam mana? Yang mana syarikat yang belakngannya ada perkataan investment bank. Affin, Maybank, Bank Islam dan lain-lain.

Cari bank yang berdekatan dengan tempat tinggal. Buka akaun saham, bawa kad pengenalan dan bawa RM10. Dalam tiga hari kita akan dapat kata kunci dan nama pengguna.

Adakah mereka yang mahu menjadi pelabur saham perlu bersih daripada Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), CTOS Data Systems Sdn Bhd (CTOS), bankrupsi dan sebagainya.

Sudah tentu, di negara ini mengikat ke-layanan seperti nama tidak boleh di senarai hitamkan. Kalau nama di senarai hitamkan kita tidak boleh pakai nama sendiri kerana broker tidak terima. Kena pakai nama isteri, ibu atau ayah asalkan kita ada nama pengguna dan kata kunci.

Bagaimana saranan Dr untuk melahirkan lebih ramai lagi mereka yang mahir saham dan pelaburan ini?

Bagi saya ilmu dan ia tidaklah sesusah mana. Kita hanya perlukan sehari dalam mungkin dalam 30 minit membaca buku berkenaan saham dan pelaburan. Selain itu boleh pergi ke seminar saya secara percuma selama separuh hari iaitu Sabtu dan Ahad. Atau daftar dengan mana-mana broker bertauliah, mereka akan bagi pendidikan percuma untuk pelabur-pelabur.

Cuma ilmu sahaja yang kita perlu cari. Ia tidak perlu lama. Mungkin dua tiga hari kalau kita fokus ia mungkin akan ubah hidup kita selama 30 tahun. Jadi cadangan saya ikhlaskan niat. Pelaburan saham ini sebenarnya adalah wadah sahaja. Pelaburan adalah jihad ekonomi dan ia menguatkan ekonomi bangsa dan ummah.

Bagaimana untuk menjana pendapatan dengan mengambil peluang di saat akhir untuk senang secara bersama-sama.

Saya adalah pakar ekonomi dan saya terlibat dengan bermacam-macam persatuan. Saya lihat ekonomi Melayu dalam keadaan yang sangat lemah. Sangat penting untuk kita mencari peluang pendapatan pasif. Cuma yang kita perlukan adalah ilmu, jika tidak ber-ilmu ia akan menjadi judi.

Saya minta masyarakat Melayu khususnya belajarlah tentang pelaburan saham kerana ia adalah pemiagaan yang sangat mudah, patuh syariah dan modal selamat.